

Maziyah Yussof “Langit”

Artist Statement

Rama-rama menjadi simbol utama dalam karya ini. Bentuknya yang simetri menggambarkan minat saya terhadap geometri, manakala keindahannya yang lembut dan cepat berlalu mengingatkan kita tentang betapa singkat dan sementara kehidupan ini. Dalam banyak budaya, rama-rama dikaitkan dengan perubahan, pembaharuan, dan alam selepas mati—ia sering dilihat sebagai perantara antara dunia nyata dan dunia spiritual.

Dari sinilah datangnya ilham untuk tajuk Langit—perkataan yang digunakan dalam bahasa Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Saya melihat langit bukan sekadar ruang di atas kepala kita, tetapi sebagai simbol yang luas dan terbuka—tanpa sempadan, dan menyatukan kita sebagai manusia. Ia adalah ruang yang dikongsi bersama, melangkaui bahasa, budaya dan kepercayaan.

Di rantau BIMP-EAGA, corak dan motif telah lama digunakan untuk menghubungkan komuniti. Sejak turun-temurun, kaum wanita menghasilkan corak tenunan tangan pada tikar, pakaian, bakul dan kain adat. Setiap corak membawa cerita, nilai dan identiti—warisan yang diturunkan dari generasi ke generasi. Banyak rekaan diilhamkan oleh alam semula jadi, kisah dongeng dan hubungan manusia dengan alam.

Saya terinspirasi oleh tradisi ini, terutamanya dalam seni Islam yang banyak menggunakan bentuk geometri dan simetri untuk menggambarkan keindahan dan susunan yang harmoni. Bagi saya, menghasilkan corak adalah satu proses yang tenang dan bermakna—seperti doa dalam bentuk visual.

Dalam dunia moden yang serba pantas dan serba automatik, saya memilih untuk bekerja dengan tangan dan alat yang ringkas. Proses ini perlahan, tapi penuh perhatian. Setiap bentuk yang saya ulang adalah satu detik yang penuh makna dan renungan.

Melalui karya ini, saya ingin mengajak anda berfikir tentang apa yang menyatukan kita. Seperti satu segitiga kecil, satu kehidupan mungkin nampak kecil dan tidak penting. Tapi apabila disusun bersama, ia membentuk satu corak, satu langit yang dikongsi, dan satu cerita yang kita semua menjadi sebahagiannya.

The butterfly plays a central role in this installation. Its symmetrical form reflects my interest in geometry, while its delicate, fleeting presence speaks to life's impermanence. Across cultures, butterflies are symbols of transformation, renewal, and the afterlife—often seen as messengers between the physical and spiritual worlds. This idea of transition and connection led me to Langit, the word for “sky” shared across Brunei, Indonesia, Malaysia, and the Philippines. Through pattern-making, I reimagine the sky not just as something we see above us, but as a symbol of something greater—open,

borderless, and deeply human. It becomes a shared space that connects us beyond language, culture, and belief.

In the BIMP-EAGA region, patterns have long served this same purpose of connection. For generations, women created handwoven patterns on mats, garments, baskets, and ceremonial cloths. These designs carried stories, values, and traditions—woven expressions of memory, identity, and belief. Many motifs were inspired by nature, mythology, and a deep sense of harmony with the universe.

My practice draws on these traditions, particularly the geometric language of Islamic art, where abstraction and symmetry are used to reflect divine order and beauty. Across cultures, the act of creating patterns carries spiritual meaning. It is a quiet, meditative process—almost like a visual form of prayer. In contrast to today's fast-paced, often stressful and mass-produced world, I choose to work with simple tools and my hands. This slower, more mindful approach allows me to be fully present. Each repeated shape becomes a moment of intention, reflection, and meaning.

With this piece, I invite viewers to reflect on what connects us. Like a single triangle, one life may seem small. But when arranged with others, it becomes part of something larger—a pattern, a shared sky, a story we all belong to.